



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 8/2014
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Dengan penuh hormat dimaklumkan bahawa Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memaklumkan bahawa atas titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, satu majlis "MUNAJAT NEGARA Membaca Surah Yaaseen dan Sembahyang Sunat Hajat bagi memohon perlindungan dan keselamatan untuk rakyat dan Negara Palestin daripada angkara keganasan dan kezaliman musuh", akan diadakan di semua Masjid, Surau dan Balai Ibadat seluruh Negara dengan penumpuan utama di Daerah Brunei dan Muara, di Jame' Asr Hassanil Bolkiah, Kampong Kiarong; di Daerah Belait di Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampong Pandan; di Daerah Tutong di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong; manakala di Daerah Temburong di Masjid Utama Muhammad Salleh, Pekan Bangar, **pada hari Isnin, 16hb Ramadhan, 1435 bersamaan 14hb Julai, 2014.**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan berangkat ke Majlis tersebut bersama-sama rakyat jelata untuk memohon kehadiran Allah Subbhanahu Wata'ala supaya rakyat dan Negara Palestin akan terselamat daripada keganasan dan kezaliman musuh.

Sehubungan dengan itu, semua pegawai dan kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang beragama Islam di Negara ini sukacita dialu-alukan untuk sama-sama hadir bagi menyertai Majlis tersebut bermula **jam 10.45 pagi** di semua Masjid, Surau dan Balai Ibadat di seluruh Negara dengan penumpuan utama di Jame' Asr Hassanil Bolkiah, Kampong Kiarong pada tarikh yang telah ditetapkan, di mana Majlis ini akan disiarkan secara langsung melalui Radio dan Televisyen Brunei.

Dalam hubungan ini dipohonkan kerjasama semua Setiausaha Tetap-Setiausaha Tetap dan Ketua-Ketua Jabatan untuk mengarahkan pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian dan Jabatan masing-masing untuk sama-sama hadir bagi meramai-ramaikan Majlis tersebut pada tarikh, waktu dan tempat yang tersebut di atas.

والسلام


(YAHYA HAJI IDRIS)
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA1000
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan : (8)JPM/SK/2014
Tarikh : 15 Ramadhan 1435
13 Julai 2014